

Analisis Wacana Idea Kepimpinan dalam Pemikiran Pembaharuan Za‘Ba

A Discourse Analysis of the Idea of Leadership in Za‘ba’s Reformism

Munif Zariruddin Fikri Nordin*
munif@uum.edu.my

Mohd Tarmizi Hasrah
h.tarmizi@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam,
Kedah, Malaysia

*Corresponding author: munif@uum.edu.my

Published: 17 Disember 2024

To cite this article (APA): Hasrah, M. T., & Nordin, M. Z. F. (2024). Analisis Wacana Idea Kepimpinan dalam Pemikiran Pembaharuan Za‘Ba. *PENDETA*, 15(2), 130–148. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.10.2024>

ABSTRAK

Za‘ba diiktiraf sebagai pemikir kerana keupayaan intelektualnya mengenal pasti dan menganalisis pelbagai isu di samping mengemukakan jalan penyelesaian. Salah satu isu yang Za‘ba teliti ialah kepimpinan. Idea kepimpinan beliau tersirat di sebalik pelbagai karyanya dalam tiga tema berbeza, iaitu ekonomi, politik dan pendidikan, agama dan falsafah, serta bahasa. Makalah ini menjelaskan kelemahan bangsa Melayu, penyelesaian dan hubungannya dengan idea kepimpinan menurut pandangan Za‘ba, serta menghuraikan pembentukan idea kepimpinan dalam pemikiran pembaharuan beliau. Penjelasan tentangnya dilakukan dengan menerapkan pendekatan analisis wacana kritis versi yang dikemukakan oleh Fairclough (1995). Dua daripada tiga dimensi analisis wacana kritis versi Fairclough itu dimanfaatkan bagi menangani data yang bersumberkan enam karya Za‘ba. Kelemahan yang memundurkan bangsa, penyelesaian dan hubungannya dengan idea kepimpinan beliau dijelaskan terlebih dahulu. Seterusnya, pembentukan idea kepimpinan dalam pemikiran pembaharuan beliau melibatkan penghasilan, pendekatan dan penerimaan idea dihuraikan. Terdapat lima idea kepimpinan Za‘ba yang dikesan, iaitu ontologi kepimpinan, ruang dan masa, metafizik kepimpinan, hubungan sebab-akibat serta integrasi pelbagai ilmu dan kemahiran. Lima aspek tersebut dirumuskan menjadi dua idea utama kepimpinan, iaitu kualiti kepimpinan diri dan kualiti kepimpinan institusi.

Kata kunci: Za‘ba; sejarah intelektual; analisis wacana; pembaharuan; kepimpinan.

ABSTRACT

Za‘ba is recognized as a thinker because of his intellectual ability to identify and analyze various issues in addition to presenting solutions. One of the issues that Za‘ba is careful about is leadership. His ideas of leadership are implicit behind his various works in three different themes, namely economics, politics and education, religion and philosophy, and language. This article explains the weakness of the Malay nation, its solution and its relationship with the idea of leadership according to Za‘ba’s view, as well as describes the formation of the idea of leadership in his reformism. Two of the three dimensions of Fairclough’s critical discourse analysis framework (1995) are applied in the data analysis encompassing six Za‘ba’s works. Weaknesses that hold the nation back, solutions and their relationship with his leadership ideas are explained first. Next, the formation of the idea of leadership in his reformism involves the production, approach and acceptance of ideas explained. There are five ideas of Za‘ba’s leadership that are detected, namely the ontology of leadership, space and time, metaphysics of leadership, causation and the integration of various knowledge and skills. The five aspects are formulated into two main ideas of leadership, namely the quality of personal leadership and the quality of institutional leadership.

Keywords: Za'ba; intellectual history; discourse analysis; reformism; leadership.

PENDAHULUAN

Dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu yang bersumberkan al-Quran dan hadis, terdapat pelbagai istilah yang merujuk kepada perihal pemimpin dan idea kepimpinan antaranya *rasul*, *nabi*, *umara*, *imam*, *ulama* dan *ra'i*. Begitu juga dengan perbendaharaan kata yang berkaitan dengan pemimpin dan idea kepimpinan yang diserap daripada bahasa Sanskrit. Perbendaharaan kata yang dipinjam daripada bahasa ini lazimnya berkaitan dengan perihal pemerintahan dan pentadbiran justeru mempunyai cakupan medan makna yang luas serta beraneka. Keragamannya itu berdaya membina korpus falsafah politik dan pembentukan sistem sosial ‘dari atas ke bawah’ (*top-down*). Perbendaharaan kata yang dimaksudkan antara lainnya adalah *raja*, *paduka*, *menteri*, *bentara*, *laksamana*, *bendahara*, *penggawa* dan *ketua* (yakni, orang yang dituakan). Keberadaan pelbagai perkataan dengan medan maknanya berselirut namun bertaut itu yang berpusat pada citra pemimpin dan idea kepimpinan murni menggambarkan kewujudan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan aspek kepemimpinan telah bertapak lama dalam pemikiran masyarakat Melayu sejak sebelum kedatangan Islam lagi.

Hal ini umpamanya telah disahkan oleh Shaharir (2010) yang pernah menyentuh tentang konsep *cakravantin* (yakni *cakra* bermaksud ‘alam’ + *vantin* bermaksud ‘pemimpin’ untuk membentuk suatu konsep ‘pemimpin alam’) yang menjadi teras falsafah dan amalan kepemimpinan di rantau Alam Melayu, ataupun di rantau *Sanskrit Cosmopolis*, sejak awal abad masih lagi. Secara umum, konsep *cakravantin* ini menegaskan tentang citra pemimpin dan idea kepemimpinan murni menurut neraca Hinduisme dan Buddhism yang diterapkan ketika nusantara bernaung di bawah kedatuan Srivijaya dan Majapahit termasuklah kerajaan Funan, Chenla dan Angkor di bahagian tanah besar Asia tenggara (Thompson, 2024). Dalam pada itu, tradisi persuratan bahasa Jawi (Muhamad Syukri & Ahnaf, 2022) antara abad ke-13 hingga ke-19 juga menghasilkan banyak karya yang mengungkapkan falsafah yang mengandungi panduan tentang pemimpin ideal dan wawasan kepemimpinan murni antaranya *Taj Us-Salatin* oleh Bukhari al-Jauhari serta *Thamarat al-Muhimmah* dan *Muqaddimah fi intizam waza'if al-Malik* oleh Raja Ali Haji.

Kewujudan dan penggunaan istilah yang merujuk pemimpin dan konsep kepimpinan dalam bahasa Melayu selepas kemerdekaan iaitu pada penghujung 1950-an pula hanya mendorong kepada kewujudan tanggapan bahawa kepimpinan ialah aspek yang baharu dalam kehidupan setelah negara ini menyerap idea dan konsep politik moden hasil pertembungan dengan pemikiran dan Kebudayaan Barat. Selain itu, keadaan ini juga turut mendorong pewujudan bidang baharu dalam dunia akademik setelah ilmu sains sosial moden diperkenalkan di insitusi pendidikan tinggi. Namun begitu, walau apa pun juga dialektika yang melingkari falsafah dan konsep kepemimpinan, hakikat yang tidak dinafikan ialah kesedaran tentang kepentingannya telah lama wujud dalam masyarakat persis tanggapan Wan Mohd Nor (2007) yang menegaskan bahawa rantaian perwarisannya sedari dahulu telah membentuk semacam kerangka epistemologi yang dipatuhi dan diamalkan secara tekal disulam dengan kesedaran asali.

Walau bagaimanapun kolonialisme yang mampir pertama mulanya sejak abad ke-16 justeru mengundang suatu refleksi kritis tentang kelemahan pemimpin dan kedangkan idea kepimpinan yang diamalkan selama ini. Keadaan tersebut menuntut penyelesaian segera agar masyarakat kembali berada di atas landasan ampuh untuk keluar daripada belenggu kelemauan dan kemelaratian. Antara penyelesaian terpenting adalah membina semula amalan kepimpinan sedia ada menerusi pembentukan konsep dan idea pemimpin dan kepimpinan yang baharu dan segar serta bersifat responsif dengan semangat zaman. Gerakan reformisme yang mendominasi alam Melayu pada awal abad ke-20 menerusi Kaum Muda lahir sederap dengan aspirasi dan hasrat untuk memerdekaan pemikiran umat daripada segenap urat belikat kolonialisme yang melenguhkan dengan jalan membina citra dan aspirasi pemimpin dan kepimpinan yang sempurna. Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba (1875-1973) merupakan salah seorang pemuka Kaum Muda yang tidak pernah lelah membangkitkan soal kepimpinan sebagai jalan keluar daripada kelemahan dan kelemauan bangsa akibat kolonialisme yang dimaksudkan.

ISU, OBJEKTIF DAN METODOLOGI

Dari segi penyataan masalah, oleh kerana kepimpinan merupakan fenomena sosial tetapi merupakan tunjang pembangunan masyarakat, maka sebagai pendeta, pemikir dan intelektual pembaharuan Za'ba tidak mungkin terlepas daripada menyentuh tentangnya. Kalau tidak menyentuh secara langsung pun, sekurang-kurangnya Za'ba ada mengungkapkan secara tersirat pemikiran beliau tentang kepimpinan. Penggalian dan pencungkilan idea kepimpinan yang dinukilkhan oleh Za'ba bukanlah dengan sengaja untuk mengada-adakan sesuatu yang tidak ada justeru mengaitkan nama beliau dengan bidang kepimpinan kerana usaha sedemikian tentulah agak keterlaluan dan bersifat mengada-ngada (atau menunjuk-nunjuk). Sebaliknya, usaha tersebut adalah untuk menonjolkan keluasan aspek pemikiran Za'ba yang menjangkau pelbagai teras, idea dan dimensi.

Didorong oleh pandangan ini juga, maka pembentukan idea Za'ba yang mengangkat tema pemimpin dan kepimpinan perlu dilakukan supaya tujuan beliau melontarkan aspirasi kepada gerakan pembaharuan untuk memajukan masyarakat sepanjang lima dekad, iaitu mulai dari tahun 1923 hingga kematiannya pada tahun 1973, dapat diperlihatkan dengan tepat dan terperinci. Maka, makalah ini bertujuan menjelaskan kelemahan bangsa Melayu, penyelesaian dan hubungannya dengan idea kepimpinan menurut pandangan Za'ba, serta menghuraikan pembentukan idea kepimpinan dalam pemikiran pembaharuan beliau.

Secara kasar, idea kepimpinan bermaksud konsep dan pandangan atas tentang kepimpinan yang tersurat dan sebahagian besarnya tersirat dalam pemikiran pembaharuan Za'ba sepanjang tempoh lima dekad yang dinyatakan di atas. Dengan merujuk pandangan Razali Mat Zin (1990: 10) yang merumuskan definisi kepimpinan yang dikemukakan oleh beberapa sarjana Barat, bahawa atas kepimpinan antara lain dicirikan oleh kewujudannya dalam apa-apa jua aktiviti yang disusun dengan rapi dan sistematik, pertalian yang rapat dengan kuasa, penetapan matlamat dan proses mempengaruhi yang melibatkan pemimpin dan pengikut. Pembentukan idea kepimpinan bermaksud konteks yang melatari penghasilan dan pendekatan pemikiran Za'ba selama lima dekad, terutamanya bagi mengatasi gejala kemiskinan, kemunduran, politik, ekonomi, sosial dan pendidikan.

Dari segi pendekatan analisis, dua daripada tiga dimensi analisis wacana kritis versi Fairclough (1995) diterapkan dalam makalah ini bagi mengupas permasalahan yang dinyatakan. Untuk menganalisis permikiran Za'ba tentang idea kepimpinan, dimensi pertama iaitu ciri leksikal teks dan frasa digunakan sebagai asas. Seterusnya makalah ini menerapkan analisis dimensi kedua, iaitu amalan wacana yang dikembangkan kepada dua subdimensi, iaitu pembentukan dan penerimaan (Munif, 2016). Subdimensi pembentukan merujuk latar yang mencetuskan idea kepimpinan. Dalam hal ini Za'ba menanggapi perihal kepimpinan sebagai respon kritis kepada krisis yang dialami oleh masyarakat. Subdimensi penerimaan pula merujuk penjelmaan cetusan idea kepimpinan sebagai teras bagi mengatasi krisis masyarakat dalam agenda gerakan pembaharuan.

Terdapat dua kategori data yang menerasi analisis, iaitu sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama ialah enam karya yang dikarang oleh Za'ba mengikut kronologi tahun seperti berikut:

1. *The Poverty of the Malays* (1923a) yang diterjemahkan kepada *Kemiskinan Orang Melayu* (1927) [KOM].
2. *The Salvation of the Malays* (1923b) yang diterjemahkan kepada *Jalan Keselamatan bagi Orang Melayu* (1927) [JKBOM].
3. *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri* (1982, 2009) yang asalnya ditulis sekitar 1929 [PBPDS].
4. *Umbi Kemajuan dan Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam Ugama Islam* (1932) yang diterbitkan semula dengan tajuk *Falsafah Takdir* (1980) [FT].
5. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III* (1941, 1946, 1947) [PB].
6. *Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya* (1954, 2012) [BMKDK].

Keenam-enam karya yang dinyatakan mewakili tiga tema pemikiran Za'ba yang berbeza, iaitu (i) ekonomi, politik dan pendidikan, (ii) agama dan falsafah serta (iii) bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, oleh kerana empat karya terawal menyentuh isu-isu dalam ketiga-tiga tema, maka pengklasifikasian pelbagai digunakan. Hal ini bermakna karya seperti KOM boleh sahaja dirujuk sebagai data bagi mana-mana tema pemikiran yang dinyatakan. Hal ini disebabkan kandungannya pun turut mengupas ketiga-tiga tema tersebut sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung. Dua karya terakhir pula hanya memfokuskan perbahasan kepada tema bahasa. Dua sumber pertama diterbitkan semula oleh Ungku A. Aziz (1975). Selain enam karya yang menjadi teras analisis pemikiran kepimpinan Za'ba, makalah ini turut menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada buku dan artikel tentang Za'ba yang ditulis oleh intelektual tempatan yang turut dibahagikan menurut tiga tema yang dinyatakan.

Dari segi tatacara analisis, kelemahan yang memundurkan bangsa, penyelesaian dan hubungannya dengan idea kepimpinan menurut pandangan Za'ba dikupas berdasarkan tiga tema, iaitu (i) ekonomi, politik dan pendidikan, (ii) agama dan falsafah serta (iii) falsafah bahasa. Ketiga-tiga tema ini dijelaskan secara terperinci berpandukan kepada dua dimensi analisis yang dinyatakan. Kemudian, pembentukan idea kepimpinan dalam pemikiran pembaharuan Za'ba yang disandarkan kepada tiga tema tersebut dihuraikan satu persatu. Pembentukan idea kepimpinan tersebut melibatkan penghasilan pendekatan, yakni pencetus kepada penghasilannya, serta penerimaannya sebagai teras kepada agenda pembaharuan.

PENGLIBATAN ZA'BA DALAM PEMIKIRAN PEMBAHARUAN

Za'ba sememangnya lebih dikenali sebagai ahli bahasa. Hal ini disebabkan sumbangan beliau terhadap kemajuan dan pemantapan bahasa Melayu sememangnya tiada tolok banding. Sumbangan Za'ba dalam konteks ini antara lainnya memperkenalkan sistem nahu, sistem ejaan, sistem tulisan Jawi, kaedah retorik dan stilistik selain membina asas falsafah bahasa dan falsafah linguistik bagi tujuan perumusan struktur tatabahasa dan tataberbahasa bahasa Melayu. Akan tetapi, beliau sebenarnya bukan sekadar ahli bahasa, sebaliknya ahli fikir atau pemikir (Asmah, 2014) atau intelektual menurut takrifan yang diberikan oleh Alatas (2016). Isu-isu yang dibangkitkan dalam tulisan dan karya beliau yang merentas pelbagai bidang menggambarkan sisi keistimewaan Za'ba. Beliau ada menulis tentang falsafah, pemikiran, agama, bangsa, penjajahan, kemerdekaan, pembaharuan, politik, ekonomi, pendidikan serta sastera.

Pemikiran Za'ba mencetuskan kesedaran dan membina korpus serta mengisi ruang tradisi keintelektulam di Malaysia mulai dekad 1920-an yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu. Maka, Za'ba merupakan pemimpin intelektual moden pramerdeka (Muhd Yusof, 2010). Selain enam karya yang disentuh dalam bahagian sebelum ini, terdapat deretan karya dan rencana lain yang ditulis oleh beliau (Adnan, 1994). Terdapat 38 karya dalam bentuk buku dan artikel setakat yang dicatatkan dalam *Koleksi Za'ba* terbitan Perpustakaan Universiti Malaya (1976) seperti dalam kajian Adnan Hj. Nawang (2005: 154-157); senarai tersebut juga terdapat dalam laman sesawang tentang Za'ba yang dibangunkan oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang alamatnya dinyatakan dalam bahagian rujukan makalah ini. Namun begitu, dalam bibliografi kajian Adnan Hj. Nawang (2009), terdapat 48 karya yang dicatatkan, pertambahan 10 karya daripada *Koleksi Za'ba* terbitan Perpustakaan Universiti Malaya. Daripada senarai tersebut, penulisan Za'ba menyentuh tema-tema seperti agama, sejarah, ekonomi, falsafah (metafizik), bahasa, politik, kewartawanan, kesusasteraan, pendidikan, falsafah (etika), kebudayaan dan penterjemahan. Walau bagaimanapun, penulisan beliau yang paling banyak adalah tentang bahasa, justeru hal itulah yang membuatkan beliau lebih dikenali sebagai ahli bahasa.

Dari segi sejarah perkembangan idea, pemikiran pembaharuan (reformisme) merangkumkan idea yang terilham daripada gerakan islah dan tajdid Timur Tengah yang diterajui antaranya oleh Jamaluddin al-Afghani (1838-1897) pada abad ke-19 berinspirasikan pemikiran ilmuwan terkenal iaitu Ibn Taimiyah (1263-1328). Secara umum, pemikiran pembaharuan merujuk pembersihan ajaran Islam daripada bidaah dan khurafat serta memperbaiki keadaan masyarakat untuk melepaskan mereka daripada kongkongan kolonialisme dan imperialism (Abdul Aziz, 2000: 135). Dari segi leksikal, islah

daripada kata akar *aṣlaha* (اصْلَحْ) disebut sebanyak 15 kali dalam al-Quran (Mu‘jam Alfāz al-Qur’ān: 1989: 676-677); yang merujuk makna penambahbaikan atau pengembalian sesuatu kepada keadaan yang betul, tepat dan sesuai selepas kerosakan (Ibn Manzūr, 2024) atau menghapuskan perselisihan antara manusia.

Islah juga beretimologikan perkataan yang sama dengan soleh, iaitu kata sifat amal soleh. Tajdid pula tidak disebutkan dalam al-Quran. Dalam *al-Mu‘jam al-Wasīt* (1989: 109), tajdid ialah pembaharuan untuk menjadikan sesuatu benda atau keadaan lebih baharu atau baik, yang dilakukan secara beransur-ansur dan bukannya pemansuhan total atau revolusi. Oleh itu, pembaharuan ialah aliran pemikiran dan gerakan yang bukan hanya menyentuh hal-hal keagamaan, tetapi juga intelektual, sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya (Abdul Rahman, 1998: 267).

Aliran pembaharuan yang digerakkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin di Malaysia terbahagi kepada dua subaliran. Pertama, subaliran berteraskan gerakan agama atau reformisme tradisional yang memberi tumpuan kepada isu akidah, fikah dan tasawuf (Abdul Rahman, 1998). Kedua, gerakan bukan agama atau neo-reformisme yang memperjuangkan isu intelektual, sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Subaliran kedua terbahagi pula kepada intelektual dan radikal (Abdul Rahman, 1998; Khairuddin, 2024). Za‘ba tergolong dalam kelompok subaliran kedua. Hal ini bermaksud pemikiran pembaharuan yang dihayati oleh Za‘ba bersifat sekali gus intelektual dan radikal. Pemikiran pembaharuan Za‘ba dikatakan intelektual kerana isu-isu yang dikupas olehnya mendasar ke benak akar permasalahan masyarakat dengan hasrat melontarkan penyelesaian bagi menoktahkannya (Alatas, 2016). Maka, isu-isu yang dibicarakan secara intelektual oleh Za‘ba bukan sekadar teoretis tetapi sekali gus praktis iaitu menggesa masyarakat untuk mengubah pemikiran secara total bagi memastikan takah kemajuan bangsa berdaya dipertingkatkan sejajar dengan kemajuan yang dialami oleh bangsa lain.

KELEMAHAN BANGSA, PENYELESAIAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN IDEA KEPIMPINAN

Bahagian ini menjelaskan ciri leksikal dan frasa dalam teks kajian yang memaparkan makna kelemahan bangsa, penyelesaiannya serta hubungannya dengan idea kepimpinan Za‘ba. Penjelasan ini diungkapkan dalam tiga tema, iaitu (i) ekonomi, politik dan pendidikan, (ii) agama dan falsafah serta (iii) bahasa.

Ekonomi, politik dan pendidikan

Dalam KOM, kemiskinan dari hal ekonomi, politik dan pendidikan dikenal pasti dalam bentuk sebagaimana yang diperikan oleh Za‘ba seperti berikut (Za‘ba, 1923a, 1927: 132):

“...Miskin pada wang ringgit dan harta benda, miskin pada hemat dan cita-cita; miskin pada pelajaran dan latihan pengetahuan; miskin pada alat-alat kelengkapan otak dan pada beberapa sifat keperangan yang tinggi dan mulia – jadilah mereka tak dapat tiada daripada tersangkut dan ketinggalan dalam perjalanan bangsa-bangsa...”

Lima bentuk kemiskinan yang digambarkan melalui penggunaan leksikal seperti *harta*, *cita-cita*, *pengetahuan*, *otak* (minda/akal) dan *keperangan* (tingkah laku/tabiat) adalah berpunca daripada kelemahan kepimpinan diri peribadi. Misalnya, *harta* tidak dapat dimiliki kerana ketiadaan usaha oleh setiap individu untuk mendapatkannya; atau jika pun ada usaha, tetapi masih tidak memadai disebabkan cara yang tidak sesuai atau strategi yang tidak berkesan.

Selain kelemahan kepimpinan diri peribadi, hemat Za‘ba turut mengaitkan kelima-lima bentuk gejala kemiskinan dengan kelemahan kepimpinan institusi politik dan pemerintahan. Dalam KOM (Za‘ba, 1923a, 1927: 151) misalnya, Za‘ba menyatakan seperti yang berikut:

“...persaksian tarikh ada menunjukkan dengan tidak syak lagi bahawa keadaan kehidupan Melayu pada zaman kerajaan raja-rajanya terdahulu daripada kedatangan British (Inggeris) ini sangatlah dipenuhi oleh kesempitan, azab sengsara, dan kebuasan yang tiada terderitakan, istimewa pada masa yang tiada berapa lama terdahulu daripada kedatangan yang tertib ini.”

Pandangan Za‘ba menerusi pernyataan ini ialah ketiadaan pendidikan dan latihan yang mempengaruhi minda serta tingkah laku adalah diakibatkan oleh ketiadaan dasar atau agenda pada peringkat kepimpinan tertinggi sesebuah institusi, lebih-lebih lagi ketiadaannya yang sememangnya disengajakan akibat legasi kolonialisme supaya masyarakat terus kekal dalam kemunduran.

Dalam JKBOM pula, penyelesaian yang dicadangkan oleh Za‘ba (1923b, 1927) terhadap masalah yang dinukilkkan tersebut adalah melalui pembaharuan atau pengisian pemikiran dan sikap individu. Menurut Za‘ba, pembaharuan ini tentunya bakal menatijahkan perubahan dalam pemikiran dan sikap kelompok masyarakat justeru kemudianya berdaya pula mempengaruhi keberkesanannya kepimpinan daripada peringkat bawah sampailah kepada peringkat atasan. Dalam hal ini Za‘ba menegaskan bahawa;

“...kemiskinan perangai yang dinamakan self-reliance, iaitu perangai bergantung kepada diri sendiri ... kemiskinan perangai tugas hati dan teguh cita-cita (preseverence) tidak mudah terbantut hati apabila terhadap kepada yang payah-payah sedikit...kemiskinan perangai mengenal dan menerima akan tanggungan diri sendiri (sense of responsibility)...kemiskinan sedia menyempurnakan kerja-kerja tanggungan diri atau kewajipan yang patut kita menyempurnakan (sense of duty)...kemiskinan perangai menepati masa yang ditetapkan (puntuality)...kemiskinan pada perangai rajin usaha dan kerja kuat (industry)...kemiskinan pada perangai (self-sacrifice), iaitu rela mengorbankan diri dan harta dan kesenangan bagi faedah orang lain...perangai (public spirit) yakni suka mengambil berat akan hal-hal yang mengandungi kebijakan bagi muslihat am, kemiskinan kemahuhan dan cita-cita yang tinggi, kemiskinan perasaan habal alwatan yang luas, kemiskinan perangai berfikir yang tinggi, kemiskinan tujuan-tujuan hidup yang layak dan mulia.”

Dalam penegasan ini, Za‘ba menukilkan 12 leksikal dan frasa yang merujuk makna pembaharuan terhadap perangai atau sikap pada tahap diri sendiri. Dalam pengertian lain, pembaharuan ini mestilah dilakukan oleh individu secara kendiri terlebih dahulu, sama ada sebelum atau semasa melibatkan diri dengan orang lain. Keberadaan 12 leksikal dan frasa pembaharuan yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

- i. kebergantungan kepada diri sendiri
- ii. teguh cita-cita
- iii. menerima tanggungan diri sendiri
- iv. sedia menyempurnakan sebarang kerja
- v. menepati masa
- vi. berusaha
- vii. rela berkorban
- viii. mengambil berat
- ix. kemahuhan dan cita-cita tinggi
- x. cinta tanah air
- xi. berfikiran tinggi
- xii. tujuan hidup yang mulia

Walaupun terdapat 12 leksikal dan frasa pembaharuan bagi mengubah pemikiran dan sikap masyarakat sebagai wahana pembasmian kemiskinan harta, cita-cita, ilmu, pemikiran dan sikap, namun semua itu hanya boleh diterjemahkan sebagai falsafah dan amalan dalam kehidupan masyarakat sekiranya terdapat kemahuan yang kuat dalam diri peribadi untuk menyahut seruan perubahan. Untuk memupuk kemahuan tersebut, diperlukan suatu wahana yang bersifat “dari-atas-ke-bawah”, iaitu dalam pengertian penggubalan kebijakan tertentu daripada pihak yang mempunyai kewibawaan khususnya pemerintah. Oleh sebab itu Za’ba (1927) berpendapat bahawa pendidikan ialah platform perubahan atau pembaharuan yang penting dan paling berkesan kerana penggubalan kebijakan dan pelaksanaannya adalah tanggungjawab pihak pemerintah secara langsung. Hal ini ditegaskan oleh Za’ba sebagaimana berikut:

“Pelajaran sangatlah wajib bagi membetulkan segala yang kurang pada perangai-perangai kebangsaan sesuatu kaum dan bagi mengubahkan atau membaiki tabiat-tabiat kecenderungan kurang baik pada diri seseorang.”

Pendidikan yang dimaksudkan oleh Za’ba ialah pendidikan formal yang diinstitusikan sama ada di sekolah mahupun di institusi pendidikan moden lain khususnya universiti atau kolej. Pendidikan seperti ini disifatkan memiliki ruang sosialisasi serta ruang pengembangan akal dan akhlak yang ampuh untuk memperbetulkan segala kekurangan dalam sikap dan keperibadian setiap individu melalui kurikulum nasional yang menyemai nilai murni merentas kepelbagaiannya kaum serta kecaknaan terhadap gerak-daya perubahan dunia secara keseluruhannya. Dengan lagak dan kacak pendidikan yang seperti ini barulah hasrat dan kemahuan pembaharuan berdaya diterjemahkan.

Agama dan Falsafah

Selain kelemahan perangai yang sama seperti dinyatakan dalam kupasa tentang tema ekonomi, politik dan pendidikan, kelemahan ataupun kemiskinan akan perangai orang Melayu yang lain dalam agama dan falsafah ialah taklid buta disebabkan malas berfikir dan tiada atau kurang ilmu dan pengetahuan. Kelemahan ini juga dikaitkan dengan kelemahan kepimpinan diri. Dalam bab ketiga PBPDS umpamanya, Za’ba (1982) menegaskan sebagaimana berikut:

“...kita wajib seberapa bolehnya menimbang sendiri dengan akal dan ilmu pengetahuan kita pada perkara-perkara itu. Dengan kata-kata yang lain, kita tidak disuruh bertaklid buta, iaitu mengikut dan menerima sahaja dengan tiada soal jawab dan mengerti hujung pangkal akan apa-apa yang diterima itu, kecualilah jika kita jahil pekat tiada mempunyai barang sedikit ilmu pengetahuan dan fikiran kita.”

Penegasan Za’ba (1982) tentang kepentingan penggunaan akal serta meninggalkan taklid buta dan pandangan terdahulu yang bertentangan dengan akal dan keabsahan ilmu diperkuuhkan dengan pendalilan ayat-ayat al-Quran. Beliau memberi justifikasi bahawa sebagai manusia yang bukan bertaraf nabi walau setinggi manapun kealiman mereka, para imam mujtahidin terdahulu tidak maksum dan tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan kesalahan. Jutseru itu apa-apa yang diijtihadkan pada masa itu tidak semestinya sesuai dalam semua zaman dan tempat. Ketidaksesuaian itulah yang memungkinkan adanya ruang pemikiran bagi mendepani segala permasalahan baharu yang lebih sesuai dengan kehendak zaman kini.

Di sisi lain, Za’ba (1982) turut mengulas kelemahan kepimpinan agamawan pada zaman beliau yang berfikiran tertutup. Terkait dengan hal ini, Za’ba menyatakan demikian:

“...Malangnya jika ada siapa-siapa yang mencuba berbuat seperti pakar-pakar Islam dahulukala itu – iaitu melepaskan diri daripada kongkongan taklid dan balik kepada Quran dan hadith dengan kehendak-kehendak zaman dan hal-hal keadaan yang telah berubah sekarang – maka terus dilemparkan mereka akan dia dengan kata-kata yang tidak selayaknya seperti “sesat dan menyesatkan, memandai-

mandai, membawa bidaah, mengubah-ngubah daripada jalan yang telah diatur oleh pakar-pakar dahulukala itu (nenek moyang)...

Menurut Za‘ba, kelompok agamawan pada zaman beliau gagal mempamerkan sikap yang menjadi cerminan imam-imam muktabar seperti al-Asy‘ari, al-Maturidi, al-Juwaini dan al-Ghazali. Para imam tersebut sentiasa menyelitkan pertimbangan akal mereka dalam pentafsiran nas al-Quran dan hadis. Begitu juga dengan empat imam yang mendirikan empat mazhab fikah, iaitu Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafii dan imam Hanbali yang sentiasa mengemukakan pandangan yang menolak taklid buta, tetapi berlandaskan kepada keperluan zaman dan persekitaran lokaliti masing-masing.

Za‘ba juga mengaitkan kelemahan kepimpinan agama dengan ketidakupayaan para pemimpin agama menginterpretasikan makna ajaran agama yang benar menurut semangat al-Quran dan hadis. Za‘ba menegaskan bahawa kepimpinan agama sepatutnya memajukan pemikiran, sikap dan tindakan masyarakat, terutama melalui teladan yang baik. Akan tetapi, hal yang sebaliknya berlaku, yakni tersembul daripada pemikiran, pertimbangan dan tindakan kepimpinan agama yang membawa kepada kemunduran dan pertelingkahan dalam masyarakat. Dalam hal ini Za‘ba sangat menyedari betapa pentingnya kepimpinan yang mempunyai kewibawaan dari segenap segi kerana tanpanya, pembaharuan yang dihasratkan tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Za‘ba menulis dalam *al-Ikhwan* pada tahun 1926 (dalam Adnan, 2005: xviii) yang memerihalkan secara rinci kegagalan kepimpinan *tok sheikh* dan *tuan guru* daripada kalangan Kaum Tua memahami Islam sebenar. Menurut Za‘ba, mereka ini...

“...(M)engembuskan racun dan hama pemalas ke dalam darah daging orang-orang Islam yang tiada berpelajaran dan yang demikian nyatalah telah tersimpang daripada jalan yang sebenar-benar Islam yang dimaksudkan oleh junjungan kita Sayidina Muhammad s.a.w. bagi kejayaan dan keselamatan perhimpunan umatnya dunia akhirat.”

Dalam FT pula, Za‘ba (1932) mengupas permasalahan salah faham terhadap konsep takdir. Menurut Za‘ba, salah faham tersebut wujud antara lainnya juga disebabkan oleh kelemahan kepimpinan agamawan. Memperincikan perkara ini Za‘ba menukilkannya dalam pernyataan yang berikut:

“...Maka inilah kejadian yang terbit daripada iktikad “berpegang kepada nasib”. Manusia yang merupakan makhluk Tuhan yang paling mulia tiada bebas memilih sendiri, melainkan terpaksa mengikut sahaja apa yang telah ditetapkan. Oleh itu jatuhlah mertabat manusia ini menjadi seperti enjin atau perkakas patung yang dijalankan oleh orang sahaja – menari-nari di atas panggung kehidupan dunia menurut sebagaimana yang digerakkan oleh orang yang menarik dawainya dari belakang tabir, bukannya dengan ikhtiar sendiri.”

Menurut hemat Za‘ba yang dapat dirumuskan daripada petikan di atas, untuk mengatasi permasalahan kepimpinan agama yang menatijahkan pelbagai perkara buruk dalam masyarakat, maka pembaharuan perlu dilakukan, dan pembaharuan tersebut adalah menerusi perubahan sikap dan penanaman kefahaman yang benar tentang hakikat dan amalan keagamaan. Pembaharuan seperti ini boleh dinamakan sebagai pembaharuan kepimpinan diri yang merujuk kemahuan dalaman dan luaran yang tegas lagi tekal untuk melakukan penghijrahan daripada satuh takah yang rendah atau buruk kepada takah yang tinggi atau baik. Malas sebagai misal ialah sikap yang berkaitan dengan akhlak peribadi; jika sikap lama ialah malas, maka sikap baharu ialah rajin. Ketegasan dan ketekalan untuk beranjak daripada takah malas kepada takah rajin itulah manifestasi pembaharuan kepimpinan diri. Taklid buta pula adalah mengenai pemahaman lama yang sempit dan tertutup; dan pemahaman baharu ialah pemahaman yang luas dan terbuka. Maka, anjakan daripada takah pemahaman sempit dan tertutup kepada pemahaman baharu dan terbuka adalah pembaharuan kepimpinan diri yang dianjurkan oleh Za‘ba.

Tiada atau kurang ilmu pula ialah sikap yang berhubungan dengan hakikat diri. Dalam PBPDS, Za'ba (2009: 128) menyatakan pendirian ini dengan tegas:

"Kerana tidak syak lagi sekali-kali bahawa pemahaman akan sesuatu kebenaran, baik agama atau lainnya, dalam satu-satu zaman tentulah berkehendak kepada disemak kembali, diperiksa dan dibaharui dengan corak-corak baharu yang sesuai dengan semangat zaman itu. Sebarang kebenaran adalah selalu berhajat kepada dibaharui pemahamannya dalam tiap-tiap zaman menurut istilah pengalaman-pengalaman baharu."

Sehubungan itu, apabila Za'ba menggesa pergantungan hanyalah pada diri sendiri, maka gesaan tersebut bermaksud kepimpinan diri yang bermula daripada diri sendiri sebelum menganjurkannya kepada masyarakat terbanyak. Hal ini adalah seperti yang difahami daripada mutiara hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Setiap kamu ialah pemimpin; dan setiap pemimpin bertanggungjawab kepada dirinya sendiri." Sejajar dengan maksud hadis tersebut Za'ba membina idea kepimpinannya pada peringkat paling atas, iaitu individu atau diri peribadi. Pembaharuan pada peringkat ini dibentuk melalui sikap muhu berijtihad, berfikiran kritis dan hasrat untuk menguasai ilmu ke arah pengukuhan diri peribadi. Penekanan kepada pembaharuan pada tahap diri peribadi sememangnya boleh difahami. Hal ini kerana pembaharuan diri peribadi menatijahkan pembaharuan masyarakat disebabkan masyarakat adalah dibentuk daripada diri-diri peribadi. Maka, memperharui cara-gaya pemikiran masyarakat berpangkal pada memperbaharui cara-gaya pemikiran diri peribadi.

Bahasa

Dalam KOM, kemiskinan dikenal pasti sebagai kelemahan kepimpinan diri, sebagaimana yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini. Selain kelemahan diri, Za'ba (1927) turut menyatakan dalam karya tersebut bahawa cabang lain kemiskinan yang berpangkal pada kelemahan kepimpinan diri ialah kemiskinan atau kelemahan bahasa. Sebenarnya agak menghairankan apabila perihal kemiskinan yang merupakan fenomena sosial dikaitkan dengan bahasa yang mempunyai hakikat dan tugas yang berlainan walaupun sedikit sebanyak terpasak juga ia pada tatanan sosial (sebab itu dalam bahasa terkandung unsur pragmatik, sosiolinguistik dan tataberbahasa). Akan tetapi, Za'ba mempunyai penghujahan yang tersendiri untuk menghubungkan kemiskinan dengan bahasa. Menurut Za'ba (1927: 132):

"...Surat-surat karangan atau kumpulan kitab-kitab dan hikayat-hikayat dalam bahasa mereka itu miskin dan bukan daripada jenis yang mengangkatkan perasaan atau meninggikan fikiran..."

Kelemahan atau kemiskinan bahasa, menurut Za'ba, pada amnya merujuk kelemahan pengungkapan dan penggunaan bahasa yang ketandusan idea-idea asasi. Keadaan ini justeru memberi bayangan bahawa bahasa berkenaan kekurangan daya untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa wahana pengungkapan ilmu yang holistik. Hal ini menatijahkan pula kelangkaan jumlah karya agung yang tiada mengandungi pemikiran besar serta tohor pula dari segi ilmu dan idea. Kelemahan seperti ini yang paling asasnya diakibatkan oleh alat pengungkapan, atau bahasa, yang tidak kukuh dari segi kosa kata, sistem tatabahasa, binaan ayat dan interpretasi makna. Seperti yang ditegaskan oleh Za'ba dalam petikan di atas dan dalam banyak karya beliau yang lain khususnya BMKDK (Za'ba, 1954, 2019) bahawa tradisi kepenggarangan menjadi miskin disebabkan oleh bahasa yang menjadi wahananya itu tiada berdaya untuk mencetuskan pemikiran murni dan pengalaman estetika yang tulus.

Kemiskinan bahasa perlu ditangani agar agenda pembaharuan menukik dengan lancar dan cemerlang. Maka, menurut Za'ba, salah satu cara untuk menanganinya adalah melalui perubahan sikap dan pandangan terhadap peranan bahasa Melayu. Oleh sebab itulah Za'ba berusaha dengan keras untuk mengatasi kelemahan tersebut dengan mengarang PB dan kemudiannya dalam *Ilmu Mengarang Melayu*

sebagai panduan ke arah pelurusan pemikiran menerusi penstrukturkan tatabahasa dan amalan kepengarangan yang tertib dan betul. Hal ini diperihalkan oleh Za'ba (1941) seperti yang berikut:


"Bahawa kitab ini ialah cubaan yang pertama pada mengaturkan kaedah nahu Melayu dengan keadaan yang lebih lengkap daripada yang sudah-sudah dicuba orang dalam bahasa Melayu. Aturan rangkanya banyak ditirukan kepada acuan nahu Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab. Tetapi isi yang memenuhi rangka itu semua dipadankan dengan pembawaan tabiat sejati bahasa Melayu dan dengan kaedah-kaedahnya yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa lain."

Za'ba menunjuk jalan penggunaan bahasa dalam PB sama ada yang bersifat mekanistik mahupun dinamik. Beliau ialah pemimpin bahasa yang menjadikan unsur pragmatik dan semantik bahasa dengan memperlihatkan fungsi bahasa Melayu sebagai alat berfikir, bermantik, pengungkapan, perhubungan, pemaknaan dan penginterpretasian yang relevan dengan perubahan dan perkembangan semasa. Dalam BMKDK (Za'ba, 1954) Za'ba menegaskan perkara ini sebagaimana berikut:

"...sebab yang terbesar itu ialah kerana bahasa Melayu ini ada mempunyai kebolehan memadankan dirinya kepada fikiran-fikiran baharu dan hal ehwal yang sediakala berubah dan bertukar-tukar di sekelilingnya. Ia telah berbuat demikian (memadankan diri) itu dengan jayanya dan dengan kecerdasan yang menghayrankan sepanjang-pangjang berapa ribu tahun yang ia telah ada, hingga sekarang ini pun tidak juga berhenti-henti..."

Dalam ketiga-tiga tema berkenaan, kelemahan bangsa yang dikenal pasti melalui leksikal dan frasa kemiskinan, taklid buta dan ketiadaan idea besar adalah saling berkaitan. Kata kunci kelemahan tersebut ialah perangai atau tabiat. Hassan Ahmad (1982) menyifatkan kelemahan tersebut sebagai kelemahan sahsiah, manakala Asmah Haji Omar (dalam Za'ba, 2009) pula memerihalkannya sebagai masalah sikap. Bersama-sama leksikal berkenaan, terdapat polariti atau pertentangan yang diakibatkan oleh perubahan. Misalnya, kemiskinan perlu diubah agar menjadi tidak miskin atau berubah kepada kekayaan, taklid buta jika diubah akan menjadi ijtihad dan ketiadaan idea besar berubah menjadi kewujudan idea besar.

Dalam ketiga-tiga tema tersebut juga, kelemahan bangsa dan penyelesaiannya dapat dihubungkan dalam bentuk yang lebih abstrak dan tersirat dengan idea kepimpinan. Dengan mengambil kira bahawa setiap individu ialah pemimpin yang memimpin diri sendiri sebagai pengikut yang menepati mafhum surah al-Tahrim (66: 6) dan hadis sahih (kalian semua pemimpin...), maka idea kepimpinan Za'ba dapat dikesan berpandukan kepada lima teras falsafah tulen seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 Falsafah kepimpinan Za‘ba

Perincian bagi kelima-lima cabang falsafah tulen yang menerasi idea kepimpinan Za‘ba adalah seperti berikut:

i. Ontologi kepimpinan

Ontologi adalah tentang menuju kewujudan. Kepimpinan bermula daripada diri sendiri, sebelum beralih kepada kepimpinan orang lain, organisasi, masyarakat dan negara. Hal ini bermaksud entiti dan kewujudan kepimpinan paling asas dan terpenting adalah pada peringkat kepimpinan diri sendiri. Za‘ba memaksudkan kepimpinan seperti ini sebagai kebergantungan kepada diri sendiri (perangai bergantung pada diri sendiri). Dalam entiti ini, wujud pula konsep bahan pergantungan sama ada yang abstrak mahupun yang konkret. Selain pergantungan kepada diri sendiri, wujud juga pergantungan kepada orang lain. Daripada kedua-dua bentuk pergantungan ini, terdapat perkadaran pergantungan kepada diri sendiri dengan orang lain. Pergantungan kepada diri sendiri bermakna individu itu memimpin diri sendiri, sementara pergantungan kepada orang lain bermaksud individu itu dipimpin oleh orang lain, seperti dalam contoh taklid buta atau nasib ditentukan oleh orang lain.

ii. Ruang dan masa

Komponen kepimpinan yang diperhatikan oleh Za‘ba terutamanya di Negeri Sembilan, Johor dan Perak melibatkan hubungan pemimpin dan masyarakat yang dipimpin. Kemungkinan beliau mengandaikan kelemahan kepimpinan di negeri-negeri tersebut juga berlaku di negeri-negeri lain malah sangat bersifat nasional. Dari segi masa, proses kepimpinan yang dinilai oleh Za‘ba bergerak menurut alur masa yang juga berfungsi sebagai pengukur keberkesanannya. Beliau memahami bahawa masa sentiasa berubah, dan perubahan yang dibawa oleh masa ialah perubahan dalam kehidupan. Maka, dengan itu, bak kata Heraclitus (500SM), “kehidupan ialah perubahan” disebabkan masa dalam kehidupan itu sentiasa berubah. Jadi, kepimpinan mestilah relevan dengan konteks dan kehendak suasana (ruang) dan zaman (masa).

iii. Metafizik kepimpinan

Kepimpinan ialah realiti yang mempunyai proses pewujudan. Proses tersebut melibatkan tingkah laku pemimpin, seperti memiliki sifat terpuji, sifat efektif [seperti 7 tabiat yang diungkapkan oleh Covey (1989) dalam karyanya yang laris jualan itu], peka dengan kelemahan bangsa dan tahu kaedah penyelesaiannya, selain memahami fenomena kehidupan sebagai satu set kewujudan pelbagai sistem hubungan (ekonomi, sosial, pendidikan dan lain-lain) dan menyedari fenomena bahawa terdapat objektif untuk dicapai bersama-sama masyarakat atau pengikut; dan terdapat masalah untuk diselesaikan bersama-sama. Kebersamaan ini membabitkan pemimpin berserta entiti dan kewujudan yang dipimpin sama ada manusia mahupun bukan manusia. Hal ini bermakna bahawa selain manusia, ada entiti dan kewujudan lain yang dipimpin, seperti mesin, peralatan, sistem, sumber semulajadi dan seluruh isi alam. Namun begitu, kepimpinan paling utama ialah memimpin manusia yang mempunyai kepelbagaian dari segi gender, umur, bangsa, agama, budaya dan aliran pemikiran.

iv. Hubungan sebab-akibat

Kemahiran berfikir secara kritis, analitik dan dialektik serta kesedaran pemimpin akan kewujudan hubungan sebab-akibat (*causation*) adalah sangat penting. Misalnya, dengan sebab perubahan perangai daripada negatif kepada positif, maka akan berlakuhal peningkatan dan kemajuan. Begitu juga dengan kesedaran pemimpin tentang kewujudan Yang Maha Berkuasa sebagai Pemula dan Penyebab kepada sebab-akibat selain kesedaran bahawa terdapat pilihan di hadapan manusia dengan usaha dan ikhtiar tanpa bergantung kepada nasib semata-mata.

v. Integrasi kepelbagaian ilmu dan kemahiran

Pemimpin mestilah berilmu bagi membolehkannya memahami klasifikasi dan sintesis ilmu serta tahu pula kaedah menerapkan ilmu, misalnya dengan kemahiran siasah dan insaniah sebagaimana yang Za'ba sebagai pemimpin gerakan intelektual perlihatkan sepanjang kehidupannya. Dengan integrasi kepelbagaian ilmu dan kemahiran tersebut, pemimpin menyedari akan kepentingan memiliki ciri-ciri kepimpinan yang berkesan dalam proses mempengaruhi melalui makna yang disampaikan, seperti kejelasan makna supaya mudah diinterpretasikan, kesopanan, dipercayai, dicontohi, patuh tatakelola, adil, menghargai ketertiban dan persekitaran kondusif serta mampu mengenal pasti isu sebenar kerana mereka merupakan pembuat keputusan yang dapat diterima, penyelesaikan masalah melalui perundingan serta penunjuk jalan dengan kebijaksanaan dan wawasan.

PEMBENTUKAN IDEA KEPIMPINAN DALAM PEMIKIRAN PEMBAHARUAN

Bahagian ini menghuraikan konteks yang melatari pembentukan idea kepimpinan dan pendekatan pelaksanaannya dalam pemikiran pembaharuan Za'ba serta bentuk penyerapan idea berkenaan dalam ketiga-tiga tema yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini.

Latar Kemiskinan Ekonomi, Politik dan Pendidikan

Dari segi pembentukan idea kepimpinan, konteks yang menjadi latar kepada tema kemiskinan ekonomi, politik dan pendidikan ialah kemunduran dan kelemahan bangsa yang perlu ditangani melalui inspirasi dan aspirasi pembaharuan yang melibatkan anjakan dan pemberian dalam pemikiran, pemahaman dan sikap. Lebih awal dari 1920-an, Za'ba juga pernah menulis dalam akhbar *Lembaga Melayu* bertarikh 28 Mei 1917 (dalam Adnan 2009: 174) yang mengandungi catatan sebagaimana yang dipetik di bawah:

[O]rang patut-patut (kaya-kaya, besar-besar, bijak-bijak) kita duduk bersenang-senang diri masing-masing dalam bilik mahligainya dengan nikmat sentosa dan cukup puas hati pula, datang rasa hatinya dan sampai hatinya memandang anak-

anak bangsa bergelumang dengan kehinaan dan kejatuhan kepada saf-saf yang jauh di belakang kaum penumpang negeri.”

Dengan petikan ini Za'ba dianggap mengkritik dengan sinis dan kritis (Adnan, 1994; 77; 2009: 174) terhadap kegagalan para pembesar dan raja-raja Melayu untuk berperanan sebagai pemimpin sosial dan politik. Di sebalik ketinggian darjah dan kemewahan gaya hidup, kelompok kuasawan ini sekadar menjadi pemerhati pasif lagi tidak cakna terhadap fenomena kemiskinan. Maka, golongan ini menjadi penyaksi akan kemunduran masyarakat di samping bersekongkol pula dengan kolonial British untuk mengekalkan keadaan sedemikian demi status quo politik.

Za'ba menyebutkan secara tersirat tugas pemimpin ekonomi dan politik sebagai pelindung, pembela dan penunjuk jalan kepada masyarakat sebagaimana yang difahami menerusi maksud kata dasar yang membentuk kata terbitan “pemimpin” iaitu *pimpin*. Kata ini secara kasar bermaksud perbuatan memimpin tangan seseorang untuk membawanya kepada suatu tujuan khusus; tujuan tersebut lazimnya menuju ke arah kebaikan. Malangnya Za'ba mendapat wujud ketidakupayaan dalam kalangan para pemimpin tradisional untuk memanfaatkan sumber insaniah yang sepatutnya bagi meninggikan budaya dan tamadun bangsa. Para pemimpin tradisional ini sebaliknya sekadar berkehendak untuk menjaga kepentingan peribadi dan kaum kerabat.

Oleh itu, dari satu sisi, Za'ba menyifatkan kedatangan British sebagai penyentap bangsa Melayu daripada lena yang panjang. Sentapan British yang memperkenalkan pemodenan dan pemikiran saintifik menyedarkan bangsa Melayu akan kepentingan rasionalisme dan intelektualisme yang berpada. Dari sisi yang lain pula, Za'ba merupakan seorang yang anti-kolonial British sesuai dengan aspirasi pembaharuan yang beliau hayati dan yakini untuk mendapatkan kemerdekaan dan menghalau penjajah.

Penghargaan Za'ba bukan bermakna beliau menyanjung British sepenuhnya. Za'ba tetap berpegang pada prinsip: hanya yang baik diakui, manakala yang buruk dikecam. Penghargaan beliau terhadap British yang sekular juga tidak bermakna beliau meminggirkan agama. Jati diri agama dan kecintaan beliau kepada bangsa tidak pernah luntur. Jika dalam falsafah Barat, penghargaan Immanuel Kant (1724-1804) bahawa David Hume (1711-1776) ‘mengejutkan’ beliau daripada ‘tidur dogmatik’. Maka, sama halnya dengan penegasan Za'ba bahawa Britih mengejutkan beliau daripada kemalasan berfikir melalui pengenalan kepada rasionalisme dan sistem pentadbiran moden.

Dari segi pendekatan, idea gerakan pembaharuan yang menggabungkan aspirasi lokal dan global banyak mempengaruhi Za'ba. Selain itu, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab membolehkan beliau merujuk al-Quran dan hadis serta rujukan lain dalam bahasa Inggeris, terutamanya yang berkaitan dengan pemikiran dan falsafah. Satu hadis sahih yang menyebut tentang kemiskinan harta dan jiwa ialah “Kekayaan bukanlah banyaknya harta, tetapi kekayaan ialah kekayaan jiwa” yang juga membawa maksud sebaliknya, iaitu “Kemiskinan bukanlah tiada harta, tetapi kemiskinan ialah kemiskinan jiwa”. Za'ba sememangnya menyedari perkara ini, maka aspirasi pembaharuan yang beliau hayati dan berhasrat melontarkannya ke dalam kesedaran masyarakat adalah berkaitan erat dengan pembanterasan kemiskinan jiwa.

Pemerhatian Za'ba menunjukkan bahawa kemiskinan, kemunduran, permasalahan politik, ekonomi, sosial, pendidikan, tahap kemajuan, pembangunan dan kepentingan pemodenan merupakan agenda utama bagi dekad tersebut dan dekad-dekad yang mendatang. Beliau juga menggunakan ketajaman intelektual yang dimilikinya untuk memerhati, memahami, menganalisis dan mengemukakan penyelesaian dengan sistematik dan pragmatik. Meskipun beliau tidak mendapat pendedahan secara formal tentang falsafah sains dan metodologi penyelidikan seperti yang dialami oleh para mahasiswa pada hari ini, tetapi pembentukan dan pendekatan idea yang beliau hayati dan yakini dibentangkan secara berstruktur menurut aturan logika dan penghujahan yang murni. Pada lima dekad pertama, meskipun Za'ba belum lagi memiliki ijazah sarjana muda, tetapi pendekatan yang digunakan menunjukkan beliau memiliki pengetahuan yang luas disulam pula dengan pembacaan pelbagai serta mempunyai keupayaan intelektual bagi mengenal pasti dan menganalisis isu yang didepani oleh masyarakat.

Dari segi penerimaan, terdapat penerimaan positif dan negatif. Pihak yang menerima idea Za'ba mengangkat beliau sebagai penegak Islam (pembaharu atau pengislah dan pentajdid) dan pejuang bangsa (nasionalis). Pihak yang menolak pula ialah British. Hal ini disedari oleh Za'ba yang memerihalkan penolakan tersebut berlaku dalam bentuk pemulauan, pertukaran tempat bertugas dan tekanan jiwa yang dilakukan oleh pegawai British dan pengintip Melayu (tali barut) mereka. Penolakan tersebut memaksa beliau melupakan tema ekonomi dan kemiskinan untuk lebih memfokuskan kepada tema agama, falsafah dan bahasa (Ungku A. Aziz, 1975).

Latar Kemiskinan Agama dan Akhlak

Pembentukan idea Za'ba tentang tema kemiskinan agama dan akhlak bermula secara tersurat dengan pengenalpastian masalah asasi yang melanda pemikiran umat, iaitu taklid buta dalam kefahaman dan amalan beragama, malas berfikir tentang perkara asas dan perkara cabang agama serta tiada atau kurang ilmu agama. Taklid buta bukan hanya tentang dogma kepercayaan yang literal tetapi juga ketercinciran dalam mengikut arus kemajuan dunia, apatah lagi memajukan kehidupan dunia. Kemiskinan agama dan akhlak yang dimaksudkan oleh Za'ba bukan sahaja miskin harta dunia, tetapi juga miskin ajaran agama akibat kemalasan berfikir dan ketiadaan ilmu.

Selain itu, fahaman sufisme palsu yang menyarankan penumpuan kepada kehidupan akhirat berbanding kehidupan dunia hanya menyebabkan masyarakat Islam ketinggalan jauh berbanding masyarakat lain dalam arus pembangunan moden. Kemiskinan harta yang dianggap ciri sufisme merupakan penghujahan palsu kerana kemiskinan boleh menjerumuskan manusia kepada kekufuran dan melemahkan sosial, ekonomi, politik dan keselamatan negara. Contohnya ialah kebergantungan kepada perubatan, sains, teknologi dan persenjataan Barat yang berlaku pada masa itu berterusan sehingga hari ini.

Di sisi lain, secara tersirat, Za'ba mengkritik secara halus kepimpinan agamawan kerana mereka tidak menunjukkan kebenaran dan memperbetulkan kesalahfahaman tersebut. Sebaliknya, mereka membiarkan masyarakat hanyut dan leka dalam tafsiran palsu, iaitu berpegang dengan nasib atau janji azali persis rezeki secupak tak dapat segantang, sehingga menyebabkan mereka bukan sahaja mundur dan ketinggalan dalam arus pembangunan dunia, bahkan berada jauh sekali daripada memiliki upaya untuk memakmurkan bumi ini.

Dari segi pendekatan, idea gerakan pembaharuan yang menggabungkan inspirasi lokal dan global banyak mempengaruhi Za'ba. Selain itu, penguasaan bahasa Arab yang baik membolehkan beliau merujuk bukan sahaja al-Quran dan hadis, malahan kitab-kitab pelbagai genre dan bidang, daripada fikah, akidah, tasawuf kepada bahasa dan falsafah. Rujukan penting dalam FT diambil daripada artikel Basyarat Ahmad yang diterbitkan dalam *Islamic Review* keluaran Ogos dan September 1921 (Hamdan, 1980: 23). Selain itu, rujukan lain ialah majalah *al-Manar* (Mesir), *The Light* (India) dan *al-Hilal* (Mesir) (Adnan, 1994: 72). Dalil yang beliau kemukakan juga sangat tepat dengan isu. Misalnya, dalil pembaharuan sikap adalah merujuk firman Allah SWT:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang mengubah nasib mereka.

(Surah al-Ra'd 13: 11)

Idea pembaharuan Za'ba dan idea kepimpinan khususnya, disambut baik oleh golongan Kaum Muda yang berfikiran progresif. Walau bagaimanapun, penyelesaian Za'ba tersebut tidak memadai dan tidak strategik kerana tiada golongan khusus disasarkan dan tiada pelan tindakan dikemukakan. Kesemua kekurangan tersebut adalah berpunca daripada cadangan penyelesaian yang tindakannya bersifat individu dan tidak melibatkan satu dasar negara yang bersifat dari atas ke bawah. Faktor penyelesaian yang tidak strategik itu juga mempunyai kaitan dengan latar belakang kepimpinan

Melayu-Islam pada tahun 1920-an. Pengasingan kuasa pentadbiran antara Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu merupakan salah satu contoh kekangan yang dihadapi dari sudut kepimpinan kenegaraan.

Sebaliknya, golongan Kaum Tua pula menolak idea Za'ba. Buku FT misalnya tidak disenangi oleh Kaum Tua di Perak dengan alasan pemikiran dan falsafah islah Kaum Muda memberi ancaman kepada akidah masyarakat Melayu Islam di negeri itu. Pada tahun 1935, buku kedua Za'ba diharamkan dan beliau dititahkan memohon maaf kepada sultan Perak (Adnan, 2005, xxvi) pada masa itu, Sultan Iskandar Shah. Dengan kebijaksanaannya, Za'ba akur dengan titah sultan kerana beliau sedar bahawa tahap pemikiran masyarakat pada waktu itu jauh berbeza dengan pemikiran kritis beliau. Justeru, tiada guna beliau terus berkeras mempertahankan hujahnya dalam keadaan pemikiran khalayak dipenuhi dengan sikap fanatik, ekstremisme, taklid buta dan berfikiran tertutup.

Latar Kemiskinan Bahasa Melayu

Melalui PB, Za'ba merupakan pemimpin sebenar dalam bidang bahasa dan linguistik moden Melayu yang mengasaskan beberapa konsep penting tentang fonetik, ejaan, partikel, kata pinjaman, nahu, penggolongan kata perbuatan, kata sifat, kata sendi dan kata seruan, serta rangkai ayat bahasa Melayu jati. Menurut pangkalan data *Malay Civilization* yang dimiliki oleh ATMA, beliau dianggap pembina asas dan konsep bahasa Melayu sehingga digelar Bapa Tatabahasa Tradisional Melayu Malaysia oleh Harimurti Kridalaksana sepertimana Sasrasoeganda diangkat sebagai Bapa Tatabahasa Tradisional Bahasa Indonesia. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1976) pula menyifatkan karya PB benar-benar penyuluhan yang menerangi suasana kelam keliru dan menunjuk jalan ke arah kesedaran orang Melayu akan nilai bahasa mereka yang merupakan jiwa bangsa; lihat juga dalam A. Aziz (2000: ix). Beliau juga merupakan pembina kaedah deduktif dan induktif aspek-aspek penting bahasa Melayu (Fadzeli, 2022). Roh dan jiwa Islam dalam pemikiran pembaharuan Za'ba membantu beliau menghubungkan bahasa Melayu lama dengan keperluan zaman moden seperti yang diakui oleh Hamka (1976).

Penghasilan idea kepimpinan bahasa Za'ba didorong oleh tekanan dan pemantuan keterlaluan oleh British terhadap tulisan beliau tentang ekonomi, politik dan pendidikan dan pemulauan oleh agamawan rentetan tulisan beliau mengenai sikap mereka terhadap kejumuhan agama. Peralihan ke tema bahasa juga adalah disebabkan keinginan Za'ba mengukuhkan institusi persuratan Melayu melalui pengungkapan dan penggunaan bahasa Melayu bersistematik supaya idea besar dapat diketengahkan selain meningkatkan lagi jumlah karya agung bermutu tinggi.

Beliau meninggalkan tema ekonomi dan politik dan pendidikan dengan mengalihkan tumpuan kepada bahasa. Sebelum PB, beliau terlebih dahulu menulis *Ilmu Mengarang Melayu* pada 1934 untuk kegunaan guru dan pelajar. Bagi Za'ba, bahasa Melayu ialah alat berfikir dan pengungkapan kemajuan. Bahasa mesti dimajukan sebelum dan serentak dengan usaha memajukan ekonomi dan agama. Jika tidak kerana kecintaannya kepada bahasa Melayu, Za'ba boleh sahaja menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik seperti dalam versi asal KO dan JKBOM. Tetapi, beliau sebaliknya untuk memajukan bahasa Melayu.

Dari segi pendekatan, Za'ba dalam PB mengakui bahawa beliau banyak merujuk buku-buku tatabahasa bahasa Inggeris dan bahasa Arab sebagai panduan penulisan nahu Melayu. Idea kepimpinan, seperti ontologi kepimpinan banyak membantu beliau berfikir secara mandiri tanpa mengharapkan bantuan atau menunggu arahan orang lain. Beliau percaya penulisan tentang kepelbagaiannya aspek bahasa Melayu dapat membantu masyarakat meyakini kelebihan bahasa Melayu.

Dari segi penerimaan, idea bahasa Za'ba diterima dengan baik dan mendapat tempat terutama dalam upaya bahasawan watan membentuk dasar dan peraturan tatabahasa bahasa Melayu moden yang termanifestasi dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah et al., 2015) dan *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah, 2015). Idea bahasa yang beliau hayati dan padukan dalam PB telah mengangkat reputasi beliau sebagai pakar bahasa watan yang meletakkan bahasa Melayu di bawah panji-panji kejadian. Pada lima dekad pertama abad ke-20, bidang bahasa di Malaysia belum menerima pengaruh aliran Strukturalisme

Perancis dan Amerika, aliran Fungsionalisme British mahupun aliran Tatabahasa Transformasi Generatif mazhab Chomskyan. Pada waktu ini idea Za'ba diterima dengan ampuh dan menjadi pelopor pembinaan bahasa Melayu dekad tersebut.

PENUTUP

Za'ba memahami perkembangan pemikiran tiga tradisi intelektual, iaitu Islam, Barat dan Melayu (Muhammad Hanafi, 2023). Oleh itu, peranan wahyu dan rasionalisme kritis diadunkan dengan mengambil kira citra watan untuk mengubah sikap masyarakat. Idea beliau yang tersurat sarat dengan kritikan dan pandangan tentang ciri luaran fenomena masyarakat daripada aspek ekonomi, politik, pendidikan, agama, falsafah dan bahasa. Kelemahan masyarakat yang dimundurkan oleh kemiskinan material dalam pembangunan ekonomi dan kemiskinan ilmu dalam memahami agama sangat memberi kesan kepada pemikiran pembaharuan beliau.

Dalam ketersuratannya tersebut, lima idea kepimpinan Za'ba dikesan, iaitu ontologi kepimpinan, ruang dan masa, metafizik kepimpinan, hubungan sebab-akibat serta integrasi pelbagai ilmu dan kemahiran. Analisis wacana yang dipaparkan dalam makalah ini merumuskan lima aspek tersebut kepada dua idea utama kepimpinan berkualiti. Pertama, kepimpinan diri, yakni pemimpin memimpin diri sendiri dengan bergantung pada diri sendiri dan mengelak daripada menyerahkan nasib kepada orang lain untuk keluar daripada kemiskinan. Kedua, kepimpinan institusi ekonomi, politik, pendidikan, agama dan persuratan di tangan raja, pembesar, ulama dan penghikayat, yakni yang memimpin dengan ilmu, memperbaharui sikap dan memiliki pemahaman agama yang betul dengan tuntutan semasa serta menghasilkan pemikiran dan idea besar.

Meskipun tersirat, kedua-dua idea tersebut mendapat respons – sebahagian besarnya positif – dalam wacana intelektual dalam negara ini. Kelangsungan idea berkenaan dapat disaksikan sehingga dekad 2020-an dan akan terus menjadi legasi intelektual yang tidak terputus, yang memahat nama beliau sebagai tokoh pemikir pendahulu zaman dan tokoh intelektual istimewa dan hebat. Dengan kata lain, sebahagian besar idea kepimpinan watan dalam pemikiran pembaharuan Za'ba semasa hayat beliau diterima meskipun terdapat penolakan dalam tema ekonomi, politik dan pendidikan oleh koloni Inggeris dan pembesar Melayu, serta tema agama, khususnya oleh Kaum Tua.

Respons positif diperlihatkan secara tidak langsung sebagai kesinambungan idea antara generasi sebelum merdeka dan generasi selepas merdeka. Antara respons yang dimaksudkan kepentingan ijтиhad oleh Syed Hussein Alatas (1979) dalam *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*. Frasa “Tiada Berbuah” bermaksud tiada ijтиhad baru walaupun tersedia sumber dalil dan terdapat keperluan semasa yang memerlukan ijтиhad baharu. Kepentingan ijтиhad dalam konteks semasa yang melibatkan peranan kepimpinan diri dan kualiti kepimpinan institusi agama telah lama dibahaskan oleh Za'ba. Begitu juga dengan gejala penyalahgunaan (penunggangan) agama melalui penyalahafsiran makna teks agama dan bahaya masyarakat malas berfikir yang dilanjutkan perbincangannya oleh Mahathir Mohamad (1976) dalam *Menghadapi Cabaran*. Kegagalan kepimpinan agama menangani cabaran penyalahgunaan agama dan penyalahafsiran makna teks agama telah disentuh oleh Za'ba sejak 1920-an lagi.

PENGHARGAAN

Kajian ini didanai oleh Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah menerusi Geran Universiti (kod SO 21607) bertajuk *Membangunkan Model Falsafah Nahu Za'ba Sebagai Salah Satu Teras Falsafah Bahasa Melayu*. Pengarang turut merakamkan penghargaan kepada Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2000). Prakata edisi baharu. Dalam *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III Edisi Baharu*, hal. ix-x, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Mat Ton. (2000). *Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hj. Nawang. (1994). *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Hj. Nawang. (2005). *Memoir Za'ba*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adnan Hj. Nawang. (2009). *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. (1989). Istanbul: Dār al-Da'wat.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Za'ba: Ahli Fikir dan Ahli Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir*. Edisi kelima. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairclough, N. (1995). *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fadzeli Jaafar. (2022). *Pelita bahasa Melayu dalam kerangka nahu tradisional*. Makalah yang dibentangkan dalam Webinar Pemikiran Pendeta Za'ba pada 22 Februari 2022, anjuran PPAS.
- Hamka. (1976). *Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu*. Kertas Kerja Seminar Kebudayaan, 25-28 Julai 1976.
- Hassan Ahmad. (1982). Kata Pengantar. Dlm Za'ba *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman vii-viii.
- Ibn Manzūr. (2024). *Lisān al-A'rāb*. Entri 4618. Capaian pada 8 Julai 2024 daripada <http://arabiclexicon.hawramani.com/%d8%b5%d9%84%d8%ad/?book=3>
- Khairuddin Aljunied. (2024). *Perjuangan: Malaysia's forgotten struggles for freedom*. Cendekia.
- Mahathir Mohamad. (1976). *Menghadapi Cabaran*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mu'jam Alfāz al-Qur'ān*. (1989). Kaherah: Majma‘ al-Lughat al-'Arabiyyat.
- Muhammad Syukri Rosli & Ahnaf Wafi Alias. (2022). *Tradisi keilmuan bahasa Jawi*. Akademi Jawi Malaysia.
- Muhammad Hanafi. (2023). *Barat daripada cerminan watan: gelintaran fikir al-Attas dan Za'ba*. Cendekia.
- Muhd. Yusof Ibrahim. (2010). *Sejarah Intelektual: Konsep dan Skop*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2016). *Wacana Kepimpinan Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan*. Edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali Mat Zin. (1990). *Kepimpinan dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Syed Hussein Alatas. (1979). *Kita dengan Islam Tumbuh Tiada Berbuah*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Syed Hussein Alatas. (2016). *Intelektual masyarakat membangun*. Cetakan keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1976). *Pidato Penghargaan terhadap ZAABA (Pengucapan Awam bagi Menghargai ZAABA)*, in Zainal Abidin bin Ahmad, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kuala Lumpur.
- Thompson, E. C. (2024). *The study of Southeast Asia*. NUS Press.
- Ungku A. Aziz. (1975). *Jejak-Jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za‘ba. (1917). *Lembaga Melayu*, 28 Mei 1917.
- Za‘ba. (1923a). The Poverty of the Malay. *The Malay Mail*, 1 December 2023.
- Za‘ba. (1923b). The Salvation of the Malay. *The Malay Mail*, 21 and 22 November 2023.
- Za‘ba. (1927a). Kemiskinan Orang Melayu. *Al-Ikhwan*, 16 Mac, 16 April dan 16 Mei 1927.
- Za‘ba. (1927b). Jalan Keselamatan bagi Orang Melayu. *Al-Ikhwan*, 21 Disember 1927.
- Za‘ba. (1932). *Umbi Kemajuan dan Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam Ugama Islam*. Pulau Pinang: Jelutung Press.
- Za‘ba. (1941). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za‘ba. (1946). *Pelita Bahasa Melayu Penggal II*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang.
- Za‘ba. (1947). *Pelita Bahasa Melayu Penggal III*. Kuala Lumpur: Pejabat Karang-Mengarang.
- Za‘ba. (1954). Bahasa Melayu: Kelebihan dan Kekurangannya. Dalam *Majalah Qalam* April, Bil. 45 – November, Bil. 52.
- Za‘ba. (1980). *Falsafah Takdir*. Edited by Hamdan Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za‘ba. (1982). *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za‘ba. (2009). *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Asmah Haji Omar (Peny.), Edisi Khas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za‘ba. (2013). *Bahasa Melayu: kelebihan dan kekurangannya*. Bangi: Klasika Media-Akademi Jawi Malaysia.

Laman Sesawang

https://malaycivilization.com.my/exhibits/show/tokoh-pemikir-alam-melayu/pendeta_zaba. Diakses pada 21 Ogos 2024.